

**DEWAN NEGARA MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2015 (RABU)**

**RUJUKAN : DR067**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kos setakat ini bagi program pinjaman khas pasangan panda daripada negara China dan kos tambahan yang dikenakan selepas kelahiran bayi panda di Zoo Negara pada 18 Ogos 2015 lalu. Bagaimana Kerajaan menanggung keseluruhan kos itu

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah membelanjakan sejumlah RM21,411,000.00 termasuk kos pembayaran yuran konservasi Giant Panda kepada Kerajaan China iaitu sebanyak RM6,941,300.00 untuk tempoh 2 tahun dan pembinaan Pusat Konservasi Giant Panda sebanyak RM10,000,000.00.

Kos pengoperasian penjagaan pasangan Giant Panda dan penyelenggaraan Pusat Konservasi Giant Panda adalah sebanyak RM2,250,000.00 setahun dan kos ini adalah ditanggung oleh pihak Zoo Negara Malaysia.

Giant Panda betina –Liang Liang telah melahirkan seekor anak Giant Panda betina pada 18 Ogos 2015 dan sumbangan yuran konservasi sebanyak sekali sahaja berjumlah USD600,000.00 akan diberikan kepada pihak China selepas anak panda berumur satu (1) tahun. Yuran konservasi ini ditanggung oleh Zoo Negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.